

Inflasi peringkat pengeluar naik 1.4 peratus bulan lalu

Indeks Harga Pengeluar Malaysia (IHPR) yang mengukur perubahan harga barangan pada peringkat pengeluar, meningkat 1.4 peratus pada Mei 2024 berbanding 1.9 peratus pada bulan sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata sama seperti bulan sebelumnya, semua sektor mencatatkan peningkatan pada Mei 2024.

Beliau berkata, sektor perlombongan terus meningkat 6.6 peratus daripada peningkatan dua angka 10 peratus pada bulan sebelumnya, disumbangkan oleh indeks pengekstrakan petroleum mentah (7.2 peratus) dan pengekstrakan gas asli (4.6 peratus).

Katanya, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan meningkat perlahan 1.3 peratus, dengan indeks pengeluaran ternakan dan penanaman tanaman masing-masing kekal meningkat sebanyak 3.7 peratus dan 3.1 peratus.

“Pada masa yang sama, sektor pembuatan meningkat 1.0 peratus disumbangkan oleh indeks pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (9.6 peratus).

“Bagi sektor utiliti, indeks bekalan air naik 8.7 peratus, manakala indeks bekalan elektrik & gas meningkat 1.5 peratus,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Uzir berkata, pada asas bulanan, IHPR pengeluaran tempatan turun -0.9 peratus daripada peningkatan 0.5 peratus yang dicatatkan pada April 2024.

Katanya, sektor utama mengalami penurunan dan telah menyebabkan kemerosotan indeks keseluruhan pada bulan ini.